

aab

Mahathir - Proton

MALAYSTA MUNGKTN WUJUDKAN KTIANG PROTON DI INDONESIA

LANGKAWI, 18 Julai (Bernama) -- Malaysia bercadang mendirikan kilang memasang kereta nasional Proton Saga secara usahasama dengan Indonesia di negara itu.

Perdana Menteri berkata, pemasangan Proton Saga di negara tersebut dengan menggunakan komponen tempatan menjadikan peluang lebih tinggi bagi kereta nasional itu dijual pada harga yang kompetitif berbanding dengan mengeksport kereta yang telah siap ke Indonesia.

Beliau memberitahu persidangan akhbar di lapangan terbang di sini hari ini bahawa Indonesia kini liberal terhadap import dan memang sejak sebelum ini tiada halangan terhadap import kereta dari Malaysia.

"Kini Indonesia masih terbuka dan mereka mengalu-alukan eksport kereta kita ke Indonesia, tetapi jika kita mengeksport kereta itu sepenuhnya, ia akan tertakluk kepada cukai import yang sama seperti kereta lain yang diimport sepenuhnya.

"Di satu pihak, jika kita memasang kereta itu dan menggunakan komponen tempatan, maka cukainya akan berkurangan dan membuat kereta kita lebih bersaing," katanya. -- Lagi

▼18/07/19-32MST

CNS6617

R GB 18-07 00118 BD826

aab

Mahathir - Proton 2 Langkawi

Bagaimanapun, katanya, jika kereta Proton diimport secara pukal harganya tidak akan kompetitif berbanding dengan kereta-kereta lain yang dipasang di Indonesia.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan Malaysia mengeksport kereta nasional itu ke Indonesia dan mengimport pesawat buatan Indonesia hasil pertemuan beliau dengan Presiden Suharto yang mengadakan lawatan kerja ke sini.

Semalam, Mahathir turut menunjukkan kepada Suharto model terbaru Proton Wira.

"Pada masa yang sama, kita sentiasa mempertimbangkan pesawat buatan Indonesia yang layak dipertimbangkan bagi kegunaan tentera udara kita.

"Oleh kerana kita mungkin perlu menggantikan Caribou kita, kita akan mempertimbangkan pesawat Indonesia sebagai calon bagi menggantikan Caribou," katanya. -- Lagi

▼18/07/19-38MST

CNS6619

R GB 18-07 00089 BD827

aab

Mahathir - Proton 3 (Akhir) Langkawi

Mengenai isu sempadan Pulau Ligitan dan Sipadan, beliau berkata ia bukan perkara besar dan tidak perlu diperbesarkan.

Katanya, isu sempadan memang biasa antara dua negara yang berjiran tetapi harus diselesaikan melalui rundingan atas prinsip-prinsip yang dipersetujui oleh kedua-dua negara dan dengan mengemukakan dokumen sokongan untuk membuktikan tuntutan masing-masing.

"Kedua-dua pihak patut mengemukakan bukti-bukti," katanya.

Katanya, penyelesaian kepada isu itu boleh dibuat tanpa menimbulkan sebarang ketegangan. -- Bernama

KHY NAK. sbj

▼18/07/19-39MST